

# Pameran Asper **dedah** **peluang pengajian**



**SELAIN BERKONGSI MAKLUMAT BERKAITAN SYARAT KELAYAKAN MINIMUM YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMASUKI SETIAP FAKULTI, PELAJAR DIDEHAHKAN KAEDAH MEMILIH PENGAJIAN SESUAI"**

**Prof Dr Mahiran Basri,**  
Pengarah ASPER UPM



Pameran Pendidikan Asasi UPM antara pendekatan untuk **mempromosikan universiti kepada lepasan sekolah dan kolej matrikulasi.**

Oleh **Norizahamalina Ramli**  
bhvarsiti@bh.com.my

↳ **Serdang**

**P**usat Asasi Sains Pertanian (ASPER), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Pameran Pendidikan Asasi 2015 bagi memberi peluang kepada pelajar untuk memperoleh maklumat mengenai program pengajian UPM yang diminati.

Pengarah ASPER UPM, Prof Dr Mahiran Basri, berkata program itu adalah satu mekanisme bagi mempromosikan UPM kepada masyarakat khususnya pelajar lepasan sekolah dan kolej matrikulasi bagi menyambung pengajian.

Katanya, pameran bukan saja membantu pelajar berkongsi maklumat berkaitan syarat kelayakan minimum yang diperlukan untuk memasuki setiap fakulti, sebaliknya memberi pengetahuan kepada pelajar untuk memilih pengajian pada peringkat ijazah.

#### **Kecenderungan minat**

"Gerai Seksyen Kaunseling Pelajar pula menyediakan peluang kepada pelajar mendapatkan informasi kecenderungan dan minat yang bersesuaian dengan program yang akan dipilih.



Pengunjung berpeluang mendapatkan **maklumat tepat yang disampaikan pegawai UPM.**

"Menerusinya, pelajar dapat membuat pilihan program pengajian tepat berdasarkan kecenderungan dan minat masing-masing," katanya.

Seramai 5,000 pengunjung hadir pada pameran sehari yang menawarkan tiga kemasukan iaitu laluan pantas, kemasukan arus perdana dan kemasukan sesi September 2015.

Pameran turut dikunjungi Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UPM, Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin.

Sementara itu, pengunjung,

Balqis Mad Noor, berkata pendedahan pameran dapat membantunya mendapat informasi tepat untuk melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah.

#### **Kadar yuran**

"Saya dapat memahami cara permohonan, program pengajian ditawarkan, kelayakan dan syarat kemasukan serta kadar yuran selain mendidik untuk lebih peka dalam membuat keputusan yang tepat," katanya.

Bagi Ahmad Syazwan Miswandi, beliau terpenggal untuk mengunjungi pameran berkenaan bagi mendapatkan maklumat tepat mengenai peluang pengajian di UPM.



Prof Mad Nasir (dua dari kiri) menyampaikan **hadiah kepada penerima cabutan bertuah.**



Aktiviti permainan gasing **turut diadakan pada pameran berkenaan.**

"UPM ialah universiti awam (UA) berstatus universiti penyelidikan yang mempunyai pelbagai kepakaran dan

kemahiran dalam bidang pertanian.

"Hasil penerangan yang diberikan pegawai dan pelajar senior, saya

memperoleh gambaran lebih jelas dan menentukan program terbaik yang boleh diikuti," katanya.